

BAB 7

PENUTUP

7.0 Kesimpulan

Dalam kajian yang telah dijalankan, masalah kata bilangan dan penjodoh bilangan bahasa Jepun di kalangan pelajar-pelajar Melayu di UiTM diperlihatkan. Ramalan-ramalan kesalahan pada padanan kata dan sistem ejaan kata bilangan bahasa Jepun dibuat dan penulis telah memeriksa kesilapan sebenarnya melalui latihan dan ujian yang diberi.

Pada keseluruhannya, kajian yang telah dijalankan oleh penulis ini dapat diberikan beberapa kesimpulan seperti berikut:

1. Ciri-ciri perbezaan yang ketara antara kedua-dua bahasa telah menimbulkan masalah bagi pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Jepun. Masalah yang paling besar yang mereka hadapi ialah memberikan angka seribu dan angka sepuluh ribu ke atas yang mana pembedaan angka tersebut tidak wujud dalam bahasa Melayu.

2. Penggunaan penjodoh bilangan yang tidak seragam bagi bahasa Jepun juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan pelajar melakukan kesilapan. Struktur ayat dalam bahasa Jepun yang berlainan sama sekali dengan bahasa Melayu

juga menyumbangkan kepada masalah dan kesulitan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar UiTM semasa mempelajari tajuk penjodoh bilangan.

3. Maklumat-maklumat mengenai kesilapan ini juga dapat diketahui melalui jadual 6.1 hingga jadual 6.7. Tingkat kesulitan seperti di jadual 6.I dan 6.II yang perlu diambil perhatian oleh pengajar dan penyelidik supaya dapat merangka satu metodologi yang berkesan untuk membantu pelajar dalam mengatasi masalah yang para pelajar hadapi.

4. Daripada kajian analisis kesilapan yang telah dijalankan, para pengajar dapat mengesan sejauh manakah gangguan bahasa ibunda pelajar dalam pembelajaran bahasa asing. Dengan yang demikian, pengajar-pengajar lebih berpeluang untuk bersedia dengan teknik pengajaran yang berkesan serta dapat menyediakan bahan-bahan pengajaran mengikut kesesuaian pelajar.

5. Melalui analisis kesilapan itu juga, pengajar dan penyelidik dapat mengetahui bahawa kesilapan-kesilapan yang dibuat oleh pelajar itu bukanlah semuanya yang rambang, tetapi lebih merupakan kesilapan-kesilapan yang dirancangkan di dalam minda pelajar. Justeru itu, corak pengajaran para pengajar boleh diubahsuaikan mengikut kesesuaian kesilapan-kesilapan yang berlaku. Dengan cara ini, masalah-masalah yang dihadapi dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa asing akan dapat diatasi dengan lebih berkesan.

7.1 Cadangan-cadangan

Secara keseluruhannya, topik kata bilangan dan penjodoh bilangan dipilih oleh penulis sebagai tajuk tesis. Kajian ini perlu dijalankan kerana pada pendapat penulis ia amat penting terutama kepada pelajar-pelajar peringkat permulaan yang mempelajari bahasa Jepun. Kata bilangan dan penjodoh bilangan merupakan ilmu pengetahuan yang paling asas bagi mereka sebagai langkah permulaan untuk berinteraksi di dalam bahasa Jepun. Oleh yang demikian mereka sepatutnya dapat menguasai kata bilangan dan penjodoh bilangan bahasa Jepun ini dengan baik sebelum mempelajari topik-topik lain. Walaupun begitu, tidak dapat dinafikan semasa mempelajari sesuatu bahasa yang baru, para pelajar akan sentiasa melakukan kesilapan, ini adalah kerana bahasa sasaran yang mereka pelajari itu mempunyai perbezaan sistem dan struktur ayat dengan bahasa ibunda mereka.

Sehubungan dengan persoalan yang disentuh di atas, pada pendapat penulis, analisis kontrastif dan analisis kesilapan yang dijalankan ini elok dijadikan panduan bagi para pengajar bahasa Jepun terutama semasa mengajar topik kata bilangan dan penjodoh bilangan. Kemudian melalui kajian kes daripada beberapa latihan dan ujian yang dijalankan ke atas para pelajar, para pengajar dapat mengenal pasti kesilapan-kesilapan yang kerap dilakukan oleh pelajar. Setelah pengenalpastian dibuat, para pengajar juga perlu memikirkan kaedah-kaedah yang boleh membantu pelajar untuk mengatasi kesukaran yang mereka hadapi.

Di antara kaedah-kaedah yang boleh dilakukan oleh para pengajar adalah seperti berikut:

1. Melatih tubi pelajar-pelajar di dalam bilik kuliah dengan lebih kerap supaya dapat membentuk kebiasaan dan menggalakkan pelajar menggunakan kata bilangan dan penjodoh bilangan di luar bilik kuliah. Para pelajar perlu diberikan keyakinan diri dan motivasi yang tinggi supaya mereka tidak malu untuk bertutur dalam bahasa Jepun walaupun bila berada di luar bilik kuliah.
2. Para pengajar boleh menggunakan alat bantuan mengajar seperti kad-kad bergambar, televisyen, video yang berkaitan dengan tajuk kata bilangan dan penjodoh bilangan dalam pengajaran mereka.
3. Langkah-langkah pemulihan perlu dilaksanakan oleh pengajar, seperti mengadakan kelas tambahan dan kelas pemulihan kepada pelajar-pelajar yang agak lemah. Pembentukan kumpulan-kumpulan kecil di dalam kelas juga elok dilakukan supaya pelajar-pelajar dapat berbincang sesama sendiri, secara tidak langsung pelajar yang cerdik akan dapat membantu rakan-rakan yang lemah. Selain itu, bimbingan secara individu oleh pengajar kepada pelajar juga adalah langkah yang patut dijalankan.
4. Selain daripada kaedah yang disebutkan di atas, para pelajar perlu dibawa melawat badan-badan yang berkaitan dengan bahasa Jepun, seperti di Japan

Information Service, Kedutaan Besar Jepun, Japan Culture Centre, Japanese Language Centre, Japanese School in Kuala Lumpur, Japan Club Kuala Lumpur dan lain-lain, supaya mereka dapat mengenali lebih dekat mengenai bahasa dan budaya Jepun. Selain itu mereka juga patut didedahkan dengan perhubungan luar negara iaitu seperti mengadakan program pertukaran pelajar dengan pelajar Jepun, menjalin perhubungan dengan pelajar asing yang datang dari Jepun yang sedang menuntut di Malaysia, program anak angkat dengan keluarga Jepun di Malaysia dan di Jepun serta kaedah-kaedah lain yang difikirkan sesuai. Dengan cara ini pelajar lebih berpeluang mempraktikkan bahasa Jepun yang mereka pelajari, khususnya untuk memahirkan kata bilangan dan penjodoh bilangan bahasa Jepun.

5. Strategi-strategi yang lebih efektif dan menarik perlu difikirkan dan dilaksanakan oleh pengajar dalam pengajaran bahasa Jepun supaya suasana pembelajaran lebih hidup dan ceria. Pelajar akan bertambah minat untuk belajar dan berusaha mempelajari bahasa Jepun sebaik mungkin seterusnya dapat menguasai bahasa itu dengan baik.

6. Bagi para penyelidik dan penulis buku teks, kajian-kajian seumpama ini boleh dilanjutkan lagi. Penyediaan nota atau buku teks khusus untuk mempelajari kata bilangan dan penjodoh bilangan bahasa Jepun harus diperbanyakkan supaya memudahkan pelajar untuk membuat rujukan tambahan selain daripada yang dipelajari mereka di bilik kuliah.